# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 9 FEBRUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | FARMER'S MARKETS GROWING FROM STRENGTH TO STRENGTH, NEWS, THE STAR -4 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2.<br>3. | HARGA SILING TIDAK SELESAI ISU KARTEL BERAS, DALAM NEGERI, UM -6<br>AHLI KOPERASI KARIAH MASJID TANAM PADI DARAT, DALAM NEGERI, UM -30 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2024 | THE STAR | METRO | 4 |




Abdul Rashid (left) looking at eggs sold by a trader at a pasar tani in Merlimau, Melaka. — Bernamapic

# Farmers' markets growing from strength to strength

FARMERS' markets or *pasar tani* are developing rapidly after recording sales of RM244.6mil at 223 locations nationwide, involving 8,542 entrepreneurs.

Federal Agricultural and Marketing Authority (Fama) director-general Abdul Rashid Bahri said when farmers' markets were set up in 1985, there were only 12 involving 317 participants with annual sales of RM1.4mil.

"In 39 years, farmers' markets have gone through several phases – introduction phase (1985 to 1994), consolidation (1995 to 2003), modernisation (2004 to 2010), transformational (2011 to 2020) and digitalisation (2021 till now).

"Fama aims to open 14 new farmers' markets and upgrade 40 existing ones," he said in a statement as reported by Bernama.

The first farmers' market was launched at the Tampoi Fama complex's cold room in Johor Baru on Jan 31, 1985, by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who was agriculture minister at the time.

"Farmers' markets have developed greatly and is a destination of choice for consumers.

"They have contributed to the development of the national economy," said Abdul Rashid.

He added that the setting up of farmers' markets had created a responsive generation of farmers.

"It has sped up the socio-economic development of the agricultural community in line with the National Agrofood Policy," he said.

Abdul Rashid said Agro Madani had recorded RM4.4mil in sales until Jan 21, involving 4,120 entrepreneurs and benefitting 324,000 households.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |



PENETAPAN harga siling baharu bagi beras dibimbangi tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah kartel. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

# Harga siling tidak selesai isu kartel beras

**Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL**
yasmin.hairul@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Penetapan harga siling baharu bagi beras bakal memberi impak positif terhadap industri beras negara, terutama kepada para petani yang dihimpit pelbagai kos sara hidup.

Namun, langkah itu dibimbangi tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah kartel beras.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, isu kartel beras melibatkan banyak polisi yang perlu dilihat dan dinilai semula bagi mencapai kaedah penyelesaian terbaik.

"Antara perkara yang perlu dititikberatkan adalah kuota belian padi bagi mengelak berlakunya monopoli dan langkah itu secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada kilang-kilang kecil bersaing secara sihat.

"Sepatutnya harga siling ini sudah lama dinaikkan bagi mengimbangi kos semasa yang dihadapi oleh pesawah dan petani kecil," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Selain itu, Abdul Rashid turut mencadangkan harga siling baharu yang sesuai ketika ini adalah sebanyak RM3.80 sekilogram.

Beliau juga sekali lagi menekankan kenaikan harga siling beras itu wajar bagi memastikan industri padi dan beras negara berdaya maju selain dapat mengekang manipulasi oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Menangani Harga Makanan di bawah Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kerajaan akan menetapkan harga siling beras bagi mengawal harganya di pasaran.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengumumkan perkara itu dalam tempoh terdekat.

Katanya, jawatankuasa itu telah mengadakan perbincangan dengan Padi Beras Nasional (Bernas) berhubung cadangan menetapkan harga siling beras.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Ahli koperasi kariah masjid tanam padi darat

**KUALA TERENGGANU:** Seramai 24 ahli Koperasi Kariah Masjid Kampung Tebakang, Bukit Payung di sini mengusahakan projek rintis tanaman padi darat sejak Oktober tahun lalu.

Pengerusi Koperasi Kariah Masjid Kampung Tebakang, Hussin Ismail berkata, projek tersebut diusahakan sebagai tanaman selingan di tapak tanaman integrasi kelapa varieti Sungai Gulang-Gulang (SGG) melibatkan kawasan seluas kira-kira satu hektar.

Menurutnya, antara varieti padi darat yang ditanam di Bukit Tinggi, Kampung Tebakang adalah basmati hibrid, tangkai langsat, jarum galah dan Cameroon.

Katanya, benih padi darat yang ditanam itu dibeli di pasaran dalam negeri dan luar negara.

"Pokok padi darat yang ditanam itu dijangka dapat dituai dalam tempoh 115 hari berbanding padi sawah 100 hari sahaja.



**HUSSIN Ismail (dua dari kanan) meninjau pokok padi darat yang ditanam di Bukit Tinggi, Kampung Tebakang, Kuala Terengganu, semalam. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI**

"Tanaman padi darat lebih mudah diuruskan kerana bergantung kepada bekalan air hujan sahaja, selain lebih lasak daripada serangan penyakit dan serangga.

"Namun tetap perlu dijaga rapi dari peringkat awal untuk memastikan pokok padi tumbuh subur," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Hussin memberitahu, pada masa ini, sebahagian pokok padi tersebut telah berbunga dan berbuah.

Tambahnya, projek rintis tersebut diusahakan peserta terlibat bukan untuk menghasilkan beras sebaliknya bertujuan mengeluarkan benih untuk menampung keperluan pada musim tanaman selepas ini.

Katanya, keluasan tanaman padi darat dapat diusahakan secara lebih luas sekiranya tanaman rintis itu berjaya menghasilkan benih yang banyak

"Kami berharap projek perintis ini berjaya dan dapat dikomersialkan untuk menampung keperluan beras di negeri ini pada masa hadapan," ujarnya.